

**Peruntukan Khas Kerajaan Kepada Kelab Kebajikan, Sukan Dan Persatuan Peringkat
Lembaga Getah Malaysia (LGM) Untuk Melaksanakan Aktiviti Sosial, Kebajikan Dan Sukan
UPD WP 8.1/2014**

AKTIVITI SOSIAL, KEBAJIKAN DAN SUKAN

No	Perkara	Tanggungjawab
1	Tujuan	
	Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan dan kadar baru peruntukan khas Kerajaan bagi melaksanakan aktiviti sosial, kebajikan dan sukan di LGM.	
2	Latar Belakang	
	2.1 Pada masa ini Kerajaan memberi sumbangan sebanyak RM1.00 seorang ahli setahun kepada Kelab Kebajikan, Sukan dan Persatuan bagi membiayai perbelanjaan aktiviti sosial, kebajikan dan sukan di LGM. Bagi mengelakkan kelab mendapatkan sumbangan atau tajaan dari sektor swasta, Kerajaan bersetuju untuk menyediakan peruntukan khas tertakluk kepada kadar dan syarat yang ditetapkan seperti di bawah	
3	Peraturan	
	3.1 Kelab Kebajikan, Sukan dan Persatuan yang layak menerima peruntukan khas Lembaga Getah Malaysia adalah kelab yang ditubuhkan di peringkat Jabatan untuk melaksanakan aktiviti sosial, sukan dan kebajikan bagi ahlinya. Kelab Kebajikan, Sukan dan Persatuan ini hendaklah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.	JK Kelab Kebajikan, Sukan dan Persatuan
	3.2 Kadar dan syarat pengeluaran peruntukan khas adalah seperti berikut:	
	3.2.1 Sumbangan Asas	
	Sumbangan asas sebanyak RM20.00 seorang ahli setahun dengan jumlah bayaran minima RM4,000 dan kadar maksimum RM20,000 setahun bagi setiap kelab/persatuan	Ketua UPD
	3.2.2 Syarat	Ketua UPD
	(a) Kelab Kebajikan, Sukan dan Persatuan telah berdaftar dan ahli membayar yuran; dan	
	(b) Kelab Kebajikan, Sukan dan Persatuan berkenaan menjalankan aktiviti-aktiviti yang mempunyai unsur-unsur sosial, kebajikan dan sukan untuk ahli-ahlinya.	

No	Perkara	Tanggungjawab
3.2.3	Kaedah Tuntutan	Ketua UPD
	<p>(a) Kelab kebajikan, Sukan dan Persatuan LGM perlu mengemukakan tuntutan dengan membekalkan penyata kewangan yang telah diaudit termasuk senarai bilangan ahli bagi memudahkan urusan pembayaran.</p> <p>(b) Sumbangan asas bayaran akan dibuat pada awal tahun (suku tahun pertama tahun berkenaan) kepada semua kelab berasaskan jumlah ahli dari peruntukan LGM; dan</p> <p>(c) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Unit Pentadbiran untuk kelulusan bayaran.</p>	
3.2.4	Lembaga Getah Malaysia boleh mengikut budi bicara Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa memperuntukkan tidak lebih daripada 20% sumbangan ini kepada PUSPANITA.	
3.3	Semua permohonan hendaklah diselaras oleh Lembaga Getah Malaysia. Peruntukan hendaklah disediakan melalui belanjawan tahunan Lembaga Getah Malaysia.	Ketua UPD Ketua Akauntan
3.4	Dengan Sumbangan yang disediakan oleh kerajaan, kelab tidak seharusnya meminta sumbangan atau tajaan dari sektor swasta.	Kelab Kebajikan, Sukan dan Persatuan